



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERCUKAIAN PERKONGSIAN
BAHAGIAN II -
PENGIRAAN DAN AGIHAN PENDAPATAN
KETETAPAN UMUM NO. 8/2021**

TARIKH PENERBITAN: 29 DISEMBER 2021



**PERCUKAIAN PERKONGSIAN
BAHAGIAN II – PENGIRAAN DAN
AGIHAN PENDAPATAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 8/2021
Tarikh Penerbitan: 29 Disember 2021**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2021 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**PERCUKAIAN PERKONGSIAN
BAHAGIAN II – PENGIRAAN DAN
AGIHAN PENDAPATAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 8/2021
Tarikh Penerbitan: 29 Disember 2021**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai	2
5. Tempoh Asas Perkongsian	3
6. Pengiraan Pendapatan Perkongsian	3
7. Perubahan Dalam Suatu Perkongsian	11
8. Perniagaan Milikan Tunggal Bertukar Menjadi Perkongsian	14
9. Perkongsian Merupakan Pekongsi Dalam Perkongsian Lain	15
10. Pendapatan Bukan Perniagaan	16
11. Kerugian Perkongsian	17
12. Elaun Modal	18
13. Pekongsi Melakukan Perbelanjaan Modal Dalam Perkongsian	20
14. Penafian	20

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan pengiraan pendapatan atau kerugian larasan sementara sebuah perkongsian dan penentuan bahagian pendapatan atau kerugian setiap ahli kongsi.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 8, 21, 55, 56, 57, 58, 59, 70, subseksyen 19(6) and perenggan 74 Jadual 3.
- 2.3 Kaedah-Kaedah (Elaun Modal dan Pengenaan) Cukai Pendapatan 1969 [P.U.(A) 96/1969]

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bermastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas suatu tahun taksiran (TT) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 dan 8 ACP.
- 3.2 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Pendapatan berkanun” berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.5 “Perkongsian” ertinya suatu sekutuan dalam apa jua bentuk (termasuk duga niaga bersama, sindiket dan kes di mana suatu pihak dalam sekutuan adalah dengan sendirinya suatu perkongsian) antara pihak yang bersetuju untuk menggabungkan mana-mana daripada hak, kuasa, harta, tenaga atau kemahiran mereka bagi maksud menjalankan perniagaan dan berkongsi keuntungan daripadanya, tetapi ia tidak termasuk keluarga sekutu Hindu walaupun keluarga sedemikian boleh jadi seorang pekongsi dalam suatu perkongsian, perkongsian liabiliti terhad atau mana-mana sekutuan yang ditubuhkan mengikut satu skim pembiayaan bersesuaian dengan prinsip Syariah.
- 3.6 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi

undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

- 3.7 “Tahun asas”, bermaksud tahun kalendar yang bersamaan dengan suatu tahun taksiran.
- 3.8 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.9 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan di bawah seksyen 21 ACP.
- 3.10 “Tidak bermastautin” bermaksud selain daripada pemastautin di Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 dan 8 ACP.

4. Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai

Bagi tujuan cukai pendapatan, sebuah perkongsian bukan orang yang boleh dikenakan cukai. Pendapatan yang diperoleh daripada perkongsian diagihkan kepada pekongsi berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui dan dikenakan cukai di tangan pekongsi.

4.1 Perkongsian

Perkongsian bukanlah “orang” di sisi undang-undang. Ia bukan entiti yang berasingan di sisi undang-undang dan berbeza daripada ahli kongsi yang membentuk perkongsian tersebut. Oleh kerana perkongsian tidak dianggap sebagai “orang”, maka perkongsian itu bukan orang yang boleh dikenakan cukai dan tiada taksiran boleh dibangkitkan ke atas perkongsian.

4.2 Pekongsi dalam perkongsian

- (a) Pekongsi dalam sebuah perkongsian adalah orang yang dikenakan cukai atas bahagiannya daripada pendapatan perkongsian. Dalam kes tertentu sebuah perkongsian, pekongsi dalam suatu perkongsian disifatkan sebagai seorang pemilik tunggal di dalam sebuah perniagaan milikan tunggal. Peruntukan di bawah seksyen 55 ACP mempostulatkan bahawa –
- (i) perniagaan dan aset-aset sebuah perkongsian bersama dengan hak dan liabiliti pekongsi disifatkan telah dipindahkan kepada setiap pekongsi; dan
- (ii) pemindahan ini membentuk perniagaan yang dijalankan oleh setiap pekongsi sebagai pemilik tunggal.
- (b) Di mana seorang pekongsi di dalam sebuah perkongsian adalah tidak bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran,

peruntukan di bawah subseksyen 70(2) ACP memperuntukkan bahawa pendapatannya berhubung dengan perkongsian tersebut yang ditentukan di bawah seksyen 55 sehingga 59 ACP hendaklah ditaksir dan dikenakan cukai bagi tahun taksiran tersebut atas nama:

- (i) perkongsian itu;
- (ii) mana-mana pekongsi yang bermastautin bagi tahun asas itu; atau
- (iii) mana-mana ejen bagi perkongsian tersebut di Malaysia,

dan cukai yang dikenakan adalah boleh didapatkan kembali daripada aset perkongsian melalui kesemua cara yang diperuntukkan di bawah ACP.

5. Tempoh Asas Perkongsian

Tahun asas bagi suatu tahun taksiran membentuk tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut berhubung dengan suatu perkongsian. Tempoh perakaunan kewangan yang akan berakhir pada 31 Disember setiap tahun adalah merupakan tempoh asas suatu perkongsian.

6. Pengiraan Pendapatan Perkongsian

Bagi tujuan percukaian, setiap perkongsian akan dilayan seolah-olah ianya perniagaan milikan tunggal. Pendapatan kasar dan pendapatan larasan suatu perkongsian berhubung dengan setiap punca perkongsian akan dikira seolah-olah perkongsian itu adalah milikan tunggal. Dalam menentukan pendapatan atau kerugian larasan perkongsian daripada setiap punca, perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam tempoh berkenaan dalam menghasilkan pendapatan kasar diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP tetapi tertakluk kepada mana-mana larangan khusus di bawah subseksyen 39(1) ACP.

6.1 Pendapatan atau kerugian larasan sementara perkongsian

Pengiraan pendapatan atau kerugian suatu perkongsian adalah sama seperti pengiraan pendapatan atau kerugian larasan daripada punca perniagaan kecuali tiada potongan dibenarkan bagi perkara berikut dalam menentukan pendapatan atau kerugian larasan sementara perkongsian:

- (a) saraan pekongsi;
- (b) faedah yang boleh dibayar kepada pekongsi atas modal pekongsi atau wang pendahuluan; dan
- (c) perbelanjaan persendirian atau domestik yang dilakukan oleh pekongsi, atau pembayaran ganti bagi perbelanjaan persendirian atau domestik yang dilakukan,

yang sepatutnya dicaj kepada akaun untung dan rugi perkongsian dalam menentukan keuntungan atau kerugian bersih. Perbelanjaan di atas akan ditambah kepada keuntungan atau kerugian dalam menentukan pendapatan atau kerugian larasan sementara suatu perkongsian. Pengiraan diringkaskan seperti berikut:

Perincian	RM	RM
Keuntungan (kerugian) bersih		XX
Tambah :		
Perbelanjaan tidak dibenarkan	XX	
Saraan ahli kongsi	XX	
Faedah boleh dibayar atas modal ahli kongsi	XX	
Perbelanjaan persendirian ahli kongsi	<u> </u>	XX
Pendapatan (Kerugian) Larasan Sementara		<u> </u> XX

Contoh 1

Ali, Rama dan Lee adalah pekongsi aktif sebuah firma, ARL Associates. Nisbah pembahagian keuntungan di kalangan ahli kongsi Ali:Rama:Lee adalah 2:1:1.

Akaun Untung dan Rugi bagi tahun berakhir 31.12.2020

	RM	RM	RM
Jualan			1,000,000
Tolak:			
Kos jualan			
Stok pada 1.1.2020		100,000	
Belian		<u>300,000</u>	
		400,000	
Stok pada 31.12.2020		<u>(50,000)</u>	(350,000)
Untung kasar			650,000
Tolak:			
Perbelanjaan hasil		120,000	
Susutnilai		10,000	
Perbelanjaan persendirian pekongsi:			
Ali	10,000		

Rama	5,000			
Lee	<u>6,000</u>	21,000 ²		
Faedah atas modal:				
Ali	2,000			
Rama	1,000			
Lee	<u>1,000</u>	<u>4,000³</u>	<u>335,000</u>	
Untung bersih			<u>315,000⁴</u>	

Tahun Taksiran 2020

Pengiraan Pendapatan Larasan Sementara

	RM	RM
Untung bersih		315,000 ⁴
Tambah:		
Perbelanjaan tidak dibenarkan		
Susutnilai		<u>10,000</u>
		325,000
Tambah:		
Saraan pekongsi	180,000 ¹	
Perbelanjaan persendirian pekongsi	21,000 ²	
Faedah atas modal pekongsi	<u>4,000³</u>	<u>205,000</u>
Pendapatan larasan sementara		<u>530,000⁵</u>

Nota:

¹⁻⁵Amaun akan dilihat semula di Contoh 2,3, 4 and 5.

6.2 Pendapatan atau kerugian Boleh Dibahagi

- (a) Pendapatan atau kerugian boleh dibahagi sebuah perkongsian bagi suatu tempoh asas adalah pendapatan atau kerugian larasan sementara perkongsian ditolak –
- (i) saraan pekongsi
 - (ii) faedah yang boleh dibayar kepada mana-mana pekongsi bagi suatu tempoh asas atas modal yang disumbang atau didahulukan kepada perkongsian itu; dan

- (iii) perbelanjaan persendirian pekongsi yang dilakukan dalam tempoh asas dan dicaj dalam akaun perkongsian termasuk pembayaran ganti.
- (b) Perbelanjaan faedah yang berikut tidak dibenarkan dalam mengira pendapatan atau kerugian larasan sementara suatu perkongsian, akan tetapi ia akan kemudiannya diambilkira dalam mendapatkan bahagian pendapatan yang diagihkan bagi pekongsi termasuk –
- (i) faedah atas bahagian modal yang disumbangkan olehnya kepada perkongsian sebagai pekongsi; dan
- (ii) faedah atas mana-mana pinjaman persendirian yang diberikan olehnya kepada perkongsian dalam kapasiti sendiri.

Faedah tidak termasuk pinjaman kepada perkongsian oleh seorang pekongsi dalam kapasitinya sebagai seorang pemegang amanah atau pentadbir atau kapasiti fidusiari lain melainkan dia, dalam kapasiti fidusiari tersebut adalah seorang pekongsi dalam perkongsian tersebut.

- (c) Pengiraan pendapatan boleh dibahagikan diringkaskan seperti berikut:

Perincian	RM	RM
Pendapatan larasan sementara		XX
Tolak:		
Saraan pekongsi	XX	
Faedah dibayar atas modal pekongsi	XX	
Perbelanjaan persendirian pekongsi	XX	XX
Pendapatan boleh dibahagikan	<u> </u>	<u> </u> <u> </u>

Contoh 2

Fakta yang sama seperti dalam dalam Contoh 1.

Pendapatan boleh dibahagikan ditentukan seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2020
Pengiraan Pendapatan Boleh dibahagikan**

	RM	RM
Pendapatan larasan sementara		530,000 ⁵
Tolak:		
Saraan pekongsi	180,000 ¹	

Perbelanjaan persendirian	21,000 ²	
pekongsi		
Faedah atas modal pekongsi	<u>4,000³</u>	<u>205,000</u>
Pendapatan boleh dibahagikan		<u>325,000⁶</u>

Nota:

⁶ Amaun akan dilihat semula dalam Contoh 4.

Contoh 3

Fakta yang sama seperti dalam dalam Contoh 1 kecuali Ali memberi pinjaman kepada perkongsian RM200,000 dalam kapasiti sendiri. Amaun pinjaman tidak ditambah kepada akaun modal perkongsian tetapi ianya ditunjukkan sebagai pemberi pinjaman yang berasingan dalam kunci kira-kira. Beliau telah dibayar faedah pinjaman pada kadar 6% setiap tahun.

Pengiraan pendapatan larasan sementara perkongsian dan pendapatan boleh dibahagikan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2020

Pengiraan Pendapatan Larasan Sementara

	RM	RM
Untung bersih		315,000 ⁴
Tambah:		
Perbelanjaan tidak dibenarkan		
Susutnilai		<u>10,000</u>
		325,000
Tambah:		
Saraan ahli kongsi	180,000 ¹	
Perbelanjaan persendirian ahli kongsi	21,000 ²	
Faedah atas modal ahli kongsi	4,000 ³	
Faedah pinjaman dibayar kepada Ali (RM200,000@6%)	12,000 ⁷	217,000
		<u>542,000⁸</u>
Pendapatan Larasan Sementara		

**Tahun Taksiran 2020
Pengiraan Pendapatan Boleh Dibahagikan**

	RM	RM
Pendapatan larasan sementara		542,000 ⁸
Tolak:		
Saraan pekongsi	180,000 ¹	
Perbelanjaan persendirian pekongsi	21,000 ²	
Faedah atas modal kepada pekongsi	4,000 ³	
Faedah pinjaman dibayar kepada Ali	<u>12,000⁷</u>	217,000
Pendapatan boleh dibahagikan		<u>325,000⁹</u>

Nota:

⁸ & ⁹Amaun akan dilihat semula di Contoh 5.

6.3 Agihan pendapatan atau kerugian boleh dibahagi kepada pekongsi

Di mana terdapat perjanjian perkongsian, pengagihan pendapatan atau kerugian boleh dibahagi di antara ahli kongsi bagi suatu tempoh asas hendaklah dibuat mengikut peruntukan pembahagian keuntungan seperti dalam perjanjian. Saraan pekongsi, perbelanjaan persendirian dan amaun sebenar yang diterima oleh setiap pekongsi akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada pendapatan kasarnya. Dalam ketiadaan perjanjian perkongsian, sama ada tersurat atau tersirat, pekongsi berhak kepada pembahagian sama rata dalam perkongsian.

6.4 Pengiraan pendapatan pekongsi: Pendapatan larasan pekongsi

Pendapatan larasan pekongsi daripada sebuah perkongsian bagi suatu tempoh asas untuk satu tahun taksiran adalah agregat bagi:

- (a) saraan;
- (b) faedah yang boleh dibayar kepada pekongsi atas bahagian sumbangan modal;
- (c) perbelanjaan persendirian dibayar kepada atau dilakukan berkaitan pekongsi; dan

(d) bahagian pendapatan boleh dibahagi pekongsi bagi tempoh asas itu.

Setiap pekongsi dikenakan cukai secara berasingan atas pendapatan berkanun daripada perkongsian bagi suatu tahun taksiran. Pendapatan berkanun setiap ahli kongsi daripada perkongsian adalah pendapatan larasan bagi suatu tempoh asas berkaitan dengan tahun taksiran tersebut, tertakluk kepada pelarasan bagi elaun modal bagi perniagaan.

Contoh 4

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 2.

Pengiraan pendapatan larasan pekongsi adalah seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2020
Pengiraan Pendapatan Larasan Pekongsi**

Perincian	Ali	Rama	Lee	Jumlah
Nisbah bahagian keuntungan	2	1	1	
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan boleh dibahagi	162,500	81,250	81,250	325,000 ⁶
Saraan pekongsi	60,000	60,000	60,000	180,000 ¹
Perbelanjaan persendirian pekongsi	10,000	5,000	6,000	21,000 ²
Faedah atas modal pekongsi	2,000	1,000	1,000	4,000 ³
Pendapatan larasan pekongsi	234,500	147,250	148,250	530,000 ⁵
Pendapatan larasan sementara				530,000 ⁵

Contoh 5

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 3.

Pengiraan pendapatan larasan pekongsi adalah seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2020
Pengiraan Pendapatan Larasan Pekongsi**

Perincian	Ali	Rama	Lee	Jumlah
------------------	------------	-------------	------------	---------------

Nisbah pembahagian keuntungan	2	1	1	
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan boleh dibahagikan	162,500	81,250	81,250	325,000 ⁹
Saraan pekongsi	60,000	60,000	60,000	180,000 ¹
Perbelanjaan persendirian pekongsi	10,000	5,000	6,000	21,000 ²
Faedah atas modal pekongsi	2,000	1,000	1,000	4,000 ³
Faedah pinjaman dibayar kepada Ali	12,000 ⁷			
Pendapatan larian pekongsi	246,500	147,250	148,250	542,000 ⁸
Pendapatan larian pekongsi				542,000 ⁸

6.5 Perubahan aturan pembahagian keuntungan

Sekiranya terdapat perubahan yang dipersetujui dalam nisbah pembahagian keuntungan di antara pekongsi dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pendapatan yang boleh dibahagikan hendaklah dianggap sebagai terakru sama rata sepanjang tempoh asas berkenaan. Pendapatan yang boleh dibahagikan diagihkan mengikut asas masa kepada tempoh-tempoh sebelum dan selepas perubahan dalam peraturan pembahagian keuntungan. Keuntungan yang boleh dibahagikan diagihkan kepada setiap tempoh kemudiannya dibahagikan di kalangan pekongsi mengikut peraturan bagi tempoh yang berkenaan. Amaun yang terpakai kepada tempoh-tempoh tersebut kemudiannya diagregatkan untuk mendapatkan pendapatan larian setiap pekongsi bagi tempoh asas tahun taksiran yang berkenaan.

Contoh 6

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 4 dan peraturan pembahagian keuntungan berubah di kalangan pekongsi. Berkuatkuasa 1.7.2020, nisbah pembahagian keuntungan yang baharu bagi Ali:Rama:Lee adalah 1:2:1.

Pengiraan pendapatan larian pekongsi adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2020

Pengiraan Pendapatan Larian Pekongsi

Details	Ali	Rama	Lee
Nisbah pembahagian keuntungan 1.1.2020 hingga 30.6.2020	2	1	1

Nisbah pembahagian keuntungan 1.7.2020 to 31.12.2020	1	2	1
	RM	RM	RM
Pendapatan boleh dibahagi 1.1.2020 hingga 30.6.2020 (6 bulan) $RM325,000^6 \times 6/12 = RM162,500$	81,250	40,625	40,625
Pendapatan boleh dibahagi 1.7.2020 hingga 31.12.2020 (6 bulan) $RM325,000^6 \times 6/12 = RM162,500$	40,625	81,250	40,625
Jumlah	121,875	121,875	81,250

7. Perubahan Dalam Suatu Perkongsian

7.1 Perkongsian dianggap menamatkan operasi

Perubahan boleh berlaku dalam sebuah perkongsian disebabkan oleh persaraan, kematian, pembubaran seorang atau lebih pekongsi, atau kemasukan pekongsi baharu ke dalam perkongsian. Di mana berlakunya perubahan pekongsi dalam suatu perkongsian, perkongsian dianggap tamat pada tarikh berlakunya perubahan dalam perkongsian dan satu perkongsian baharu telah bermula. Oleh itu, setiap pekongsi dianggap telah terhenti daripada memperoleh pendapatan daripada perkongsian lama, dan sekiranya beliau adalah pekongsi kepada perkongsian baharu itu, beliau dianggap telah memulakan punca pendapatan baharu.

7.2 Perkongsian dianggap sebagai satu perkongsian baharu

Perkongsian baharu disifatkan sebagai wujud sekiranya –

- (i) perkongsian lama ditamatkan atau dianggap tamat daripada beroperasi;
- (ii) perkongsian yang lama tamat pada hari terakhir tempoh perakaunan dua belas bulan yang biasa; dan
- (iii) perkongsian baharu yang mengambilalih perkongsian lama juga menyediakan akaunnya bagi tempoh dua belas bulan.

Contoh 7

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1 kecuali Lee keluar daripada perkongsian pada 31.12.2020 dan Gopal menyertai perkongsian tersebut pada 1.1.2021. Nama firma ditukar kepada AFG Associates. Gopal bersetuju untuk menyumbang amaun modal yang sama seperti Lee. Gopal juga akan menikmati amaun saraan dan kadar faedah atas modal yang disumbang sama seperti Lee. Berkuatkuasa 1.1.2021,

nisbah pembahagian keuntungan di kalangan ahli kongsi Ali:Rama:Gopal adalah 2:1:1.

Perkongsian yang lama tamat dan AFG Associates adalah satu perkongsian yang baharu. Perkongsian yang lama tamat pada hari terakhir tempoh perakaunan dua belas bulan yang biasa dan perkongsian yang baharu menyediakan akaunnya bagi tempoh dua belas bulan.

7.3 Perkongsian dianggap sebagai satu perniagaan berterusan

Walau bagaimanapun, sekiranya sekurang-kurangnya seorang pekongsi di dalam perkongsian lama kekal menjadi pekongsi dalam perkongsian baharu dan perkongsian tersebut menjalankan perniagaan yang hampir sama dengan perkongsian lama, perkongsian baharu dianggap sebagai satu perniagaan yang berterusan. Perubahan boleh berlaku pada pertengahan tempoh perakaunan. Ini bermaksud tempoh asas bagi suatu tahun taksiran akan dikekalkan dalam situasi di mana perkongsian dianggap sebagai satu perniagaan yang berterusan.

Contoh 8

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1 kecuali Lee keluar daripada perkongsian pada 30.6.2020 dan Gopal menyertai perkongsian pada 1.7.2020. Nama firma ditukar kepada AFG Associates. Gopal bersetuju untuk menyumbang amaun modal yang sama seperti Lee. Gopal juga akan menikmati amaun saraan dan kadar faedah atas modal yang disumbang sama seperti Lee. Berkuatkuasa 1.7.2020, nisbah pembahagian keuntungan di kalangan ahli kongsi Ali:Rama:Gopal adalah 2:1:1.

Walaupun terdapat pertukaran pekongsi tetapi Ali dan Rama kedua-duanya masih pekongsi dalam perkongsian lama dan perkongsian baharu yang masih menjalankan perniagaan yang sama. Oleh yang demikian, walaupun terdapat perubahan pekongsi di pertengahan tempoh perakaunan, perniagaan perkongsian dianggap sebagai perniagaan berterusan. Pengiraan pendapatan boleh dibahagikan adalah sama dengan yang ditunjukkan dalam Contoh 2 kerana pekongsi baharu, Gopal bersetuju untuk menyumbang amaun modal yang sama seperti Lee dan Gopal menikmati kuantum saraan dan faedah atas modal sama seperti Lee.

7.4 Pekongsi yang kekal

Bagi pekongsi yang kekal, pekongsi tersebut adalah dianggap sebagai mempunyai satu punca pendapatan yang berterusan berhubung dengan perkongsian yang lama dan perkongsian yang baharu tetapi hanya dalam keadaan di mana tempoh perakaunan bagi kedua-dua perkongsian baharu dan lama adalah sama.

Contoh 9

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 8.

Pengiraan pendapatan larasan pekongsi adalah seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2020
Pengiraan Pendapatan Larasan Ahli Kongsi**

1.1.2020 hingga 30.6.2020 (6 bulan)	Ali	Rama	Lee	Jumlah
Nisbah pembahagian keuntungan	2	1	1	
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan boleh dibahagikan RM325,000 ⁶ X 6/12	81,250	40,625	40,625	162,500
Saraan pekongsi	30,000	30,000	30,000	90,000
Perbelanjaan persendirian pekongsi	5,000	2,500	3,000	10,500
Faedah atas modal kepada pekongsi	1,000	500	500	2,000
Pendapatan larasan pekongsi	117,250	73,625	74,125	265,000
Pendapatan larasan sementara				265,000
1.7.2020 hingga 31.12.2020 (6 bulan)	Ali	Rama	Gopal	Jumlah
Nisbah pembahagian keuntungan	2	1	1	
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan boleh dibahagikan RM325,000 ⁶ X 6/12	81,250	40,625	40,625	162,500
Saraan pekongsi	30,000	30,000	30,000	90,000
Perbelanjaan persendirian pekongsi	5,000	2,500	3,000	10,500
Faedah atas modal kepada pekongsi	1,000	500	500	2,000
Pendapatan larasan pekongsi	117,250	73,625	74,125	265,000

Pendapatan larasan sementara				265,000
------------------------------	--	--	--	---------

**Tahun Taksiran 2020
Pendapatan Larasan Ahli Kongsi**

Perincian	Ali	Rama	Lee	Gopal
	RM	RM	RM	RM
1.1.2020 hingga 30.6.2020 Pendapatan larasan pekongsi	117,250	73,625	74,125	Tiada
1.7.2020 hingga 31.12.2020 Pendapatan larasan pekongsi	117,250	73,625	Tiada	74,125
Jumlah	234,500	147,250	74,125	74,125

8. Perniagaan Milikan Tunggal Bertukar Menjadi Perkongsian

Di mana perniagaan milikan tunggal membawa masuk seorang rakan kongsi ke dalam perniagaan dan membentuk sebuah perkongsian, dan pemilik tunggal adalah salah seorang pekongsi, perniagaan milikan tunggal dan perniagaan perkongsian dianggap sebagai satu perniagaan berterusan.

Contoh 10

Alvin menjalankan perniagaan milikan tunggal. Beliau membawa masuk seorang rakan kongsi, Zarul pada 1.4.2020 dan akaun perniagaan disediakan sehingga 31.12.2020. Pendapatan larasan bagi tahun berakhir 31.12.2020 adalah RM200,000. Nisbah pembahagian keuntungan di antara Alvin dan Zarul ialah 1:1.

Bagi tahun taksiran 2020, tempoh asas dan pendapatan larasan berhubung punca perniagaan Alvin dan Zarul adalah seperti berikut:

(a) Alvin

Punca perniagaan	Tempoh Asas	Pendapatan Larasan
Perniagaan milikan tunggal	1.1.2020 hingga 31.3.2020	RM50,000 [RM200,000 X 3/12]
Perkongsian	1.4.2020 hingga 31.12.2020	RM75,000 [½ (RM200,000 X 9/12)]
Jumlah		RM125,000

(b) Zarul

Punca Perniagaan	Tempoh Asas	Pendapatan Larasan
Perkongsian	1.4.2020 hingga 31.12.2020	RM75,000 [$\frac{1}{2}$ (RM200,000 X 9/12)]
Jumlah		RM75,000

9. Perkongsian Adalah Pekongsi dalam Perkongsian Lain

Suatu perkongsian (perkongsian subsidiari) mungkin merupakan pekongsi dalam sebuah perkongsian lain (perkongsian utama). Dalam kes sedemikian, bahagian keuntungan perkongsian subsidiari daripada perkongsian utama diagihkan di kalangan pekongsi dalam perkongsian subsidiari. Pengagihan pendapatan daripada perkongsian utama adalah mengikut nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui dan terpakai dalam mengagihkan pendapatan boleh dibahagikan bagi perkongsian subsidiari kepada pekongsinya.

Contoh 11

Alias dan Nik merupakan pekongsi dalam A&N Associates. A&N Associates adalah pekongsi dalam perkongsian lain, AA Brothers di mana Aaron dan Adrian adalah pekongsi.

Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2020 –

- (a) AA Brothers mempunyai pendapatan boleh dibahagi sebanyak RM600,000. Aaron dan Adrian menerima saraan tahunan sebanyak RM72,000 setiap seorang. Nisbah pembahagian keuntungan di antara Aaron:Adrian:A&N Associates adalah 2:1:1.
- (b) A&N Associates mempunyai pendapatan boleh dibahagikan sebanyak RM300,000. Nisbah pembahagian keuntungan bagi Alias dan Nik adalah 1:1. Alias dan Nik menerima saraan tahunan sebanyak RM60,000 seorang.

Pengiraan pendapatan larasan bagi ahli kongsi AA Brothers dan A&N Associates adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2020

Pengiraan Pendapatan Larasan Pekongsi AA Brothers

Perincian	Aaron	Adrian	A&N Associates	Jumlah
Nisbah pembahagian keuntungan	2	1	1	

	RM	RM	RM	RM
Pendapatan boleh dibahagi	300,000	150,000	150,000	600,000
Saraan pekongsi	72,000	72,000	-	144,000
Pendapatan larasan pekongsi	372,000	222,000	150,000	744,000

Tahun Taksiran 2020

Pengiraan Pendapatan Larasan Ahli Kongsi A&N Associates

Perincian	Alias	Nik	Jumlah
Nisbah pembahagian keuntungan	1	1	
	RM	RM	RM
Pendapatan boleh dibahagi	150,000	150,000	300,000
Saraan pekongsi	60,000	60,000	120,000
Pendapatan daripada perkongsian AA Brothers	75,000	75,000	150,000
Pendapatan larasan pekongsi	285,000	285,000	570,000

10. Pendapatan Bukan Perniagaan

Sebuah perkongsian mungkin memperoleh pendapatan selain daripada punca perniagaan. Pendapatan daripada punca bukan perniagaan tidak termasuk sebagai sebahagian daripada pendapatan larasan sementara perkongsian daripada perniagaan. Pendapatan larasan daripada punca-punca lain hendaklah diagihkan di kalangan pekongsi mengikut agihan yang sama dengan nisbah pembahagian keuntungan yang dipersetujui dan terpakai dalam mengagihkan pendapatan boleh dibahagi perkongsian.

Contoh 12

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 11 dan A&N Associates memperoleh pendapatan sewa sebanyak RM120,000 setiap tahun.

Pengagihan pendapatan sewa adalah seperti berikut:

Perincian	Alias	Nik	Jumlah
Nisbah pembahagian keuntungan	1	1	
	RM	RM	RM
Sewa	60,000	60,000	120,000

Nota:

Pendapatan sewa setiap pekongsi dikenakan cukai di bawah perenggan 4(d) ACP.

11. Kerugian Perkongsian

Di mana sebuah perkongsian mengalami kerugian perniagaan bagi tempoh asas suatu tahun taksiran, pengiraan pendapatan larasan sementara akan mengakibatkan kerugian larasan sementara dan kerugian boleh dibahagikan. Kerugian boleh dibahagikan diagihkan di kalangan pekongsi mengikut nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui.

Contoh 13

Judy dan Ella adalah ahli kongsi kepada J&E Handicraft. Nisbah pembahagian keuntungan di kalangan pekongsi adalah 1:1. Dalam tahun berakhir 31.12.2020, perkongsian mempunyai kerugian larasan sementara sebanyak RM32,000 selepas mengambilkira saraan pekongsi sebanyak RM60,000 seorang dan faedah atas modal pekongsi sebanyak RM2,000 seorang.

Pengiraan kerugian boleh dibahagi bagi tahun berakhir 31.12.2020 adalah seperti berikut:

Pengiraan Kerugian Boleh Dibahagi

	RM	RM
Kerugian larasan		(32,000)
Tolak:		
Saraan pekongsi	120,000	
Faedah pekongsi	<u>4,000</u>	<u>(124,000)</u>
Kerugian boleh dibahagikan		<u>(156,000)</u>

Tahun Taksiran 2020

Pengiraan Kerugian Larasan Pekongsi J&E Associates

Perincian	Judy	Ella	Jumlah
Nisbah pembahagian keuntungan	1	1	
	RM	RM	RM
Kerugian boleh dibahagi	(78,000)	(78,000)	(156,000)
Saraan pekongsi	60,000	60,000	120,000
Faedah atas modal	2,000	2,000	4,000
Kerugian larasan pekongsi	(16,000)	(16,000)	(32,000)

12. Elaun Modal

Elaun modal dikira mengikut perenggan 74 Jadual 3 ACP bagi suatu tahun taksiran yang berkenaan yang merujuk kepada perbelanjaan yang dilakukan atas aset modal dalam suatu tempoh asas. Walau bagaimanapun, aset tersebut hendaklah dimiliki oleh perkongsian dan digunakan bagi tujuan perniagaan perkongsian di akhir tempoh asas itu.

12.1 Perkongsian berterusan

Di dalam kes perkongsian adalah berterusan di mana tiada perubahan ahli kongsi, elaun modal bagi TT tersebut diagihkan di kalangan pekongsi mengikut nisbah pembahagian keuntungan pada akhir tempoh asas bagi TT berkenaan. Dalam lain perkataan, tuntutan elaun modal bagi setiap pekongsi hendaklah dibuat oleh setiap pekongsi dalam menentukan pendapatan berkanun perniagaan daripada perkongsian. Sekiranya elaun modal bagi pekongsi tidak dapat diserap dalam TT berkenaan, elaun modal yang tidak dapat diserap akan dihantar ke hadapan dan akan dibenarkan dalam TT berikutnya.

Contoh 14

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 13 dan elaun modal perkongsian bagi tahun taksiran 2020 adalah RM3,000.

Pembahagian elaun modal adalah seperti berikut:

Perincian	Judy	Ella	Jumlah
Nisbah pembahagian keuntungan	1	1	
	RM	RM	RM
Elaun modal	1,500	1,500	3,000

Kedua-dua pekongsi mengalami kerugian daripada perkongsian. Oleh yang demikian, elaun modal yang tidak dapat diserap bagi tahun taksiran 2020 dihantar ke hadapan ke tahun taksiran yang berikutnya.

12.2 Perubahan dalam perkongsian

- (a) Di mana terdapat perubahan dalam perkongsian, tetapi perniagaan adalah hampir sama dan dijalankan secara berturut-turut sebagai satu perniagaan yang berterusan, perniagaan adalah disifatkan dijalankan oleh orang yang sama, seperti di dalam keadaan berikut –
 - (i) di mana seorang individu yang menjalankan perniagaan milikan tunggal mengambil seorang pekongsi ke dalam perniagaan supaya suatu perniagaan perkongsian bermula;

- (ii) di mana terdapat perubahan pekongsi dalam sebuah perkongsian tetapi sekurang-kurangnya seorang pekongsi kekal dalam perkongsian;
 - (iv) perniagaan perkongsian sebenarnya telah berhenti tetapi seorang daripada pekongsi perkongsian lama telah meneruskan perniagaan tersebut sebagai pemilik tunggal; atau
 - (v) di mana berlaku gabungan keadaan (i) hingga (iii)
- elaun modal dan kenaan akan dikira dengan cara yang bersesuaian.

- (b) Di mana terdapat perubahan pekongsi dalam suatu perkongsian, elaun modal diagihkan di kalangan pekongsi yang masih kekal dalam perkongsian tersebut pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan mengikut nisbah pembahagian keuntungan masing-masing. Pekongsi baharu yang memasuki perkongsian dan kekal sebagai pekongsi pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan akan menikmati keseluruhan elaun modal. Pekongsi yang bersara atau meninggalkan perkongsian tidak akan menikmati elaun modal kerana beliau bukan lagi pekongsi pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.

Di mana berkenaan, pengagihan elaun modal dan kenaan hendaklah dibuat mengikut cara yang adil dan berpatutan.

Contoh 15

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 10 and elaun modal bagi perkongsian bagi tahun taksiran 2020 adalah RM12,000.

Pembahagian elaun modal adalah seperti berikut:

Perincian	Alvin	Zarul	Jumlah
Nisbah pembahagian keuntungan	1	1	
	RM	RM	RM
Elaun modal	6,000	6,000	12,000

Perniagaan milikan tunggal yang dijalankan oleh Alvin bertukar menjadi perkongsian apabila Zarul menyertai perniagaan pada 1.4.2020 dan kedua-dua perniagaan dianggap sebagai satu perniagaan yang berterusan. Elaun modal sebanyak RM12,000 diagihkan mengikut nisbah pembahagian keuntungan bagi perkongsian dan Zarul berhak kepada keseluruhan elaun modal sebanyak RM6,000 walaupun beliau hanya menyertai perkongsian pada 1.4.2020 dalam tempoh asas berakhir 31.12.2020.

13. Pekongsi Melakukan Perbelanjaan Modal Dalam Perkongsian

Seorang ahli kongsi dalam sebuah perkongsian mungkin melakukan perbelanjaan layak ke atas aset seperti kenderaan bermotor untuk tujuan perniagaan perkongsian. Ahli kongsi tersebut berhak menuntut elaun modal dan kenaan yang bersesuaian berhubung dengan aset tersebut.

Contoh 16

Zurin, Dalia dan Mia adalah rakan kongsi kepada Zara Kosmetik. Zurin membiayai sepenuhnya pembelian sebuah van yang digunakan sepenuhnya dalam perkongsian.

Elaun modal berkaitan dengan van tersebut yang ditentukan dengan merujuk kepada Jadual 3 ACP hendaklah diberikan sepenuhnya kepada Zurin.

14. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

KU ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan KU No. 7/2021 bertajuk Percukaian Perkongsian Bahagian I - Penentuan Kewujudan Perkongsian.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**